



## **KOLEKSI SOALAN PERCUBAAN BAHASA MELAYU SPM NEGERI-NEGERI 2009**

- Kertas 1 - Karangan Bahagian B
- 

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-PULAU PINANG

### Bahagian B

[ 100 markah ]

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Lambakan rancangan realiti dalam media elektronik memberikan pelbagai kesan dalam kalangan remaja.

Tulis sepucuk surat kepada rakan anda untuk bertukar pandangan tentang kesan-kesan rancangan tersebut.

- 2 Keharmonian keluarga melahirkan anak-anak yang berjaya dalam kehidupan.

Ulaskan pernyataan di atas

- 3 Rakyat Malaysia lebih suka menggunakan kenderaan sendiri berbanding kenderaan awam dalam urusan harian mereka. Keadaan ini menyebabkan masalah kesesakan tidak menemui jalan penyelesaiannya.

Berikan pendapat anda tentang cara-cara menggalakkan orang ramai menggunakan kenderaan awam.

- 4 Pertukaran pelajar antara negara merupakan salah satu program untuk memperkenalkan budaya sesebuah negara

Berikan komen anda tentang pernyataan tersebut.

- 5 Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu semakin terpinggir dalam arus pendidikan negara.

Nyatakan punca-punca berlakunya fenomena ini dan cara-cara mengatasinya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-KELANTAN

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Selain menumpukan perhatian dalam bidang akademik, setiap pelajar digalakkan menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah.

Huraikan faedah yang anda peroleh apabila menyertai aktiviti kokurikulum.

2. Anda sebagai editor sebuah akhbar telah ditugaskan untuk menulis sebuah rencana yang bertajuk "Ibu Bapa Pembentuk Sahsiah Anak-anak."

Tuliskan rencana anda selengkapnya.

3. Alam sekitar penting untuk kesejahteraan hidup manusia. Oleh itu, keindahan alam sekitar perlu dikekalkan. –

Jelaskan usaha pelbagai pihak untuk melestarikan keindahan alam sekitar, di negara kita.

4. Mutakhir, bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan ribut taufan telah melanda beberapa buah negara. Kerjasama sejagat amat diperlukan bagi membantu mangsa-mangsa yang terlibat.

Sarankan bentuk sumbangan yang boleh dihulurkan oleh negara-negara jiran dalam membantu negara yang dilanda bencana alam.

5. Karya-karya sastera mengandungi pelbagai pengajaran yang dapat mendidik masyarakat.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-TERENGGANU

### **Bahagian B** [100 markah]

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Pencapaian seseorang tokoh dalam sesuatu bidang seperti politik, sukan dan budaya telah memberikan inspirasi kepada diri anda.

Jelaskan bagaimanakah kejayaan mereka itu membakar semangat anda untuk mencapai kejayaan dalam hidup.

2. Anak-anak merupakan modal insan yang penting dalam sesebuah institusi keluarga. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan proaktif agar dapat melahirkan anak-anak yang bersahsiah terpuji

Berikan pendapat anda tentang peranan keluarga dalam pembentukan sahsiah anak-anak.

3. Air bersih merupakan keperluan penting dalam kehidupan manusia. Malangnya kebanyakan sumber air bersih di negara ini telah tercemar. Huraikan langkah-langkah untuk mendidik masyarakat agar menghargai sumber air.

4. Pemanasan suhu dunia menyebabkan kehidupan manusia terancam. Tulis sebuah rencana tentang tindakan yang boleh diambil oleh masyarakat dunia untuk menangani permasalahan ini.

5. Unsur-unsur sindiran dan jenaka yang terdapat dalam sastera rakyat dapat dijadikan teladan dalam kehidupan.

Bincangkan pernyataan di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-WPKL

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Gaya hidup sihat perlu menjadi amalan setiap remaja. Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.
2. Banyak ibu bapa pada masa ini tidak menggalakkan anak-anak mereka membaca bahan-bahan bacaan ringan seperti komik dan majalah hiburan. Mereka berpendapat bahawa amalan membaca bahan-bahan tersebut hanya membuang masa dan tidak meningkatkan prestasi akademik anak-anak.

Huraikan pendapat tersebut.

3. Mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah diperkenalkan di sekolah-sekolah untuk melahirkan murid yang patriotik dan bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Sebagai ketua editor majalah sekolah, anda ditugaskan menemu bual guru mata pelajaran berkenaan untuk mendapatkan pandangan beliau tentang kepentingan mata pelajaran tersebut.

Tulis temu bual anda selengkapnya.

4. Dewasa ini, kerjasama ekonomi antara negara semakin meluas. Sehubungan dengan itu, banyak negara membuka peluang pelaburan kepada pelabur-pelabur asing.

Huraikan kepentingan pelaburan antarabangsa dalam menjana ekonomi sesebuah negara.

5. "Ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk" bermaksud, semakin banyak ilmu seseorang dan semakin tinggi pangkatnya, semakin dia merendah diri.

Tulis sebuah cerpen berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

## KERTAS SOALAN TAMAT

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-NEGERI SEMBILAN

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah kurangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1 Belakangan ini, gejala buli dan samseng yang melibatkan golongan remaja semakin membimbangkan.

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan gejala ini semakin berleluasa.

2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk amalan berjimat-cermat dalam diri anak-anak.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa dalam memupuk amalan ini.

3 Sempena sambutan Bulan Patriotisme, Persatuan Sejarah sekolah anda telah mengadakan pertandingan syarahan. Tajuk syarahan itu ialah 'Kepentingan Menjaga dan Memulihara Bangunan Bersejarah.' Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

4 Sektor pelancongan memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ekonomi negara. Namun, kegawatan ekonomi global telah menyebabkan sektor ini terjejas.

Sarankan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong asing.

5 Mutakhir ini, golongan remaja tidak berminat membaca dan menghayati karya sastera.

Jelaskan punca-punca berlakunya keadaan ini.

KERTAS SOALAN TAMAT

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-SABAH

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Kawasan kediaman anda sering mengalami banjir. Oleh itu, anda ingin membuat aduan kepada pihak berkenaan tentang punca-punca dan mencadangkan langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

2. Keluarga memainkan peranan penting untuk melahirkan masyarakat yang sihat.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

3. Perpaduan rakyat pelbagai kaum melambangkan keharmonian dalam sesebuah negara.

Jelaskan kepentingan mengekalkan perpaduan di negara ini.

4. Hari Bumi yang disambut pada 22 April setiap tahun dapat memupuk sikap prihatin masyarakat terhadap alam sekitar.

Bincangkan kesan-kesan pemanasan dunia dan peranan masyarakat antarabangsa untuk menangani masalah tersebut.

5. Puisi tradisional seperti pantun, seloka, gurindam dan syair merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahankan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan bagi memastikan puisi tradisional tidak pupus ditelan zaman.

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-PERAK

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[ 100 markah ]

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Seorang rakan anda telah terlibat dengan gejala sosial yang serius sehingga rakan anda itu sering mengabaikan pelajaran.

Huraikan usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk membantu rakan anda itu.

2. Semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat hari ini dikatakan kian luntur.

Jelaskan tindakan-tindakan yang dapat diambil oleh pelbagai pihak untuk memupuk semangat kejiranan.

3. Setelah lebih 50 tahun merdeka, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara membangun dalam pelbagai bidang dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

4. Anda ingin menyertai pertandingan menulis esei yang dianjurkan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan peringkat antarabangsa. Tajuk esei anda ialah 'Ke Arah Mewujudkan Keamanan Dunia Sejagat.'

Tulis esei anda itu selengkapnya.

5. Ada pendapat mengatakan bahawa karya sastera memainkan peranan penting dalam membentuk corak hidup generasi pada masa akan datang. Anda bersetuju dengan pendapat tersebut.

Jelaskan.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/1



## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-MRSM

[100 markah]

[Masa disediakan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Masalah kegemukan atau obesiti dalam kalangan rakyat negara ini semakin serius. Menurut kajian yang telah dilakukan, sebanyak 20% daripada 26 juta rakyat negara ini menghadapi masalah kegemukan.

Huraikan usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menjadi remaja yang sihat dan cergas.

- 2 Masyarakat kini lebih suka mempunyai bilangan ahli keluarga yang sedikit jika dibandingkan dengan masyarakat dahulu yang lebih suka mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai.

Berikan pandangan anda sebab-sebab hal ini berlaku dan kesan-kesannya.

- 3 Semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat semakin hamur kerana banyak pihak kurang melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan.

Jelaskan langkah-langkah yang wajar dilaksanakan untuk menyuburkan semangat patriotisme.

- 4 Anda telah menerima sepucuk surat daripada rakan anda yang berada di luar negara. Rakan anda itu bertanyakan penghibatan negara anda dalam membantu mangsa bencana alam pada peringkat antarabangsa.

Balas surat rakan anda itu selengkapnya.

- 5 Terdapat peribahasa yang menggambarkan kepentingan kerjasama dalam masyarakat, contohnya "Bagai sur dengan tebing".

Huraikan faedah-faedah mengamalkan semangat kerjasama dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia.

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-PAHANG

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.*

1. Perbelanjaan keperluan keluarga hari ini didapati semakin meningkat. Hal ini menuntut ibu bapa melakukan dwikerjaya untuk menampung perbelanjaan tersebut.

Berikan pendapat anda.

2. Peningkatan jumlah pemilik kad kredit dalam kalangan masyarakat menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia kini merupakan golongan yang suka berbelanja.

Pada pendapat anda, bagaimana masyarakat Malaysia dapat dididik agar menjadi golongan pengguna yang berhemat.

3. Selaku pengarang sebuah majalah tempatan, anda ditugaskan untuk mengadakan wawancara dengan seorang pegawai Jabatan Perpaduan di tempat anda. Tajuk wawancara tersebut ialah kepentingan integrasi nasional dalam masyarakat berbilang bangsa.

Sediakan teks wawancara tersebut selengkapnya.

4. Anda berminat menyertai satu pertandingan menulis rencana sempena Pameran Pendidikan yang diadakan di tempat anda. Tajuk rencana tersebut ialah Malaysia Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Antarabangsa.

Sediakan teks rencana tersebut selengkapnya.

5. Anda baru sahaja selesai membaca sebuah novel keluaran sebuah syarikat penerbitan yang terkenal. Sehubungan dengan itu, anda berminat untuk membuat ulasan tentang unsur-unsur menarik yang terdapat dalam novel tersebut.

Tulis ulasan anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-MELAKA

### Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

[ 100 markah ]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Program motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak luar semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar hari ini sebagai persediaan mereka sebelum menduduki peperiksaan.

Jelaskan kebaikan-kebaikan program motivasi kepada pelajar.

2. Kegilaan terhadap pelbagai program televisyen realiti mengakibatkan tumpuan dalam bidang pelajaran anak-anak terabai.

Berikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam usaha mengawal kecenderungan anak-anak terhadap program televisyen realiti ini.

3. Di Malaysia, nasib golongan istimewa atau lebih dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) turut mendapat perhatian serius dan pembelaan daripada pihak kerajaan dan masyarakat yang amat prihatin terhadap golongan tersebut.

Tulis sebuah rencana tentang usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan tersebut.

4. Negara kita telah berjaya merapatkan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar melalui bahasa, kebudayaan, dan sistem pendidikan yang sistematik.

Ulasakan pernyataan tersebut.

5. Persatuan Bahasa Melayu dan Kebudayaan sekolah anda telah menganjurkan satu Program Penghayatan Sastera di peringkat daerah. Pelbagai aktiviti termasuk bengkel penulisan, deklamasi sajak, dan lakonan diadakan.

Sebagai peserta, huraikan faedah-faedah yang anda peroleh sepanjang menyertai program tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-JOHOR

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Dunia remaja sering terdedah kepada pelbagai gejala sosial.  
Bincangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh remaja untuk mengelakkan diri daripada terlibat dalam gejala sosial.
- 2 Ibu bapa berperanan membentuk akhlak dan merupakan penentu kejayaan akademik anak-anak.  
Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.
- 3 Makanan segera dan makanan ringan seperti burger, mi segera dan kentang goreng telah menjadi pilihan masyarakat kini.  
Sebagai pegawai kesihatan, anda diminta menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kesan-kesan Pengambilan Makanan Segera dan Makanan Ringan Terhadap Kesihatan' kepada masyarakat di tempat anda.  
Sediakan teks ceramah anda itu selengkapnya.
- 4 Kenaikan paras air laut, kejadian banjir besar dan kemarau yang berpanjangan merupakan bencana alam yang berlaku hampir di seluruh dunia akibat perubahan iklim.  
Jelaskan tindakan masyarakat dunia dalam menghadapi bencana alam tersebut.
- 5 Generasi muda hari ini kurang berminat membaca karya sastera tempatan sedangkan karya tersebut banyak mendatangkan manfaat.  
Nyatakan faedah-faedah mempelajari karya sastera kepada generasi muda.

KERTAS SOALAN TAMAT

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-KEDAH

### Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Arus globalisasi telah menyebabkan pelbagai budaya warisan rakyat Malaysia semakin terhakis.  
Anda sebagai rakyat yang cinta akan negara, sarankan sumbangan anda untuk mengekalkan budaya warisan rakyat Malaysia.
2. Teknologi internet kini telah maju. Ibu bapa berperanan penting dalam mengawal kecenderungan anak-anak melayari internet tanpa berasa risau dan bimbang. Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak memanfaatkan internet dalam kehidupan seharian.
3. "Barangan Tempatan Berkualiti Antarabangsa" ialah slogan kerajaan ke arah mencapai standard kualiti barangan antarabangsa.  
Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh usahawan tempatan supaya hasrat ini menjadi realiti.
4. Kemasukan warganegara asing ke beberapa buah negara lain meninggalkan pelbagai implikasi.  
Jelaskan pernyataan ini.
5. Tulis sebuah cerpen atau skrip drama berdasarkan tema "Konflik Remaja".

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-SBP

1. Seandainya payung sebelum hujan sering kali menja di prinsip mereka yang gemar akan pelaburan. Sebagai pegawai bank, anda diminta menyampaikan ceramah tentang kepentingan pelaburan masa depan.

Tulis teks ceramah itu selengkapnya.

2. Terdapat pelbagai strategi untuk mengatasi masalah remaja. Pelbagai pihak khususnya ibu bapa haruslah peka dan dalam memastikan remaja sentiasa cemerlang dalam setiap aspek.

Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa dalam menangani masalah remaja masa ini.

3. Pendidikan industri ialah pendidikan yang menjurus kepada bidang teknologi untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang perindustrian.

Tulis rencana berkaitan dengan kesan pendidikan tersebut kepada masyarakat.

4. Pemuliharaan penyakit berjangkit seperti Influenza H1N1 memberikan impak kepada seluruh warga dunia. Kerjasama negara di seluruh dunia amat perlu dalam menangani krisis penyakit berjangkit ini.

Ulas peranan Malaysia dalam membasmi penyakit berbahaya ini.

5. Orang Daik memacu kuda,  
Kuda dipacu deras sekali;  
Buat baik berpada-pada  
Buat jahat jangan sekali.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan nilai mumi dalam masyarakat hari ini.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-KLANG, SELANGOR DE

### Bahagian B

[100 markah]

(Masa dicadangkan: 1 Jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

- 1 Perpaduan merupakan elemen penting dalam sebuah negara majmuk. Oleh itu, pelbagai pihak perlu memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Selaku anggota masyarakat yang prihatin, anda ingin menulis rencana tentang perkara tersebut untuk disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan.

Tuliskan rencana itu dengan lengkap.

- 2 Sejak akhir-akhir ini, gejala ragut semakin berleluasa dalam masyarakat. Hal yang membimbangkan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai punca.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca gejala ragut.

- 3 Industri desa merupakan sektor ekonomi yang berpotensi untuk dikembangkan.

Bincangkan kepentingan dan langkah memajukan industri tersebut.

- 4 Bencana alam yang berlaku di seluruh dunia memberi kesan kepada penduduk dan negara yang terlibat.

Beri pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

- 5 Anda berpeluang menonton satu pementasan drama. Berdasarkan pementasan tersebut, terdapat aspek-aspek yang menarik perhatian anda.

Ulaskan aspek-aspek yang menarik perhatian anda.

KERTAS SOALAN TAMAT

## KERTAS 1 PCBM SPM 09 (BAHAGIAN B)-PERLIS

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

[ 100 markah ]

( Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit )

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Pengenalan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah mampu membentuk jati diri generasi muda.  
Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.
2. Kemelesetan ekonomi memberi kesan kepada negara dan mendatangkan masalah kepada keluarga.  
Jelaskan langkah-langkah untuk meringankan beban keluarga dalam menghadapi kesan kemelesetan ekonomi ini.
3. Kebanjiran pekerja asing di negara kita meningkatkan kadar jenayah dan masalah sosial.  
Tulis sebuah rencana tentang pernyataan di atas.
4. Bencana alam seperti kejadian tanah runtuh yang berlaku di beberapa buah negara di dunia dikatakan berpunca daripada aktiviti pembangunan tanpa perancangan.  
Ulaskan pernyataan di atas.
5. *Seikat bak sirih, serumpun bak serai* menggambarkan hubungan erat yang wujud dalam kalangan masyarakat.  
Tulis sebuah karangan untuk menyatakan pendapat anda berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/1

SULIT



## SEKOLAH-SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)

SULIT

3

1103/1

### Bahagian B

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda mempunyai impian untuk menjadi seorang pemimpin negara yang disegani dan dihormati pada masa akan datang.  
Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh anda untuk mencapai impian tersebut.
2. Masyarakat kita perlu dididik supaya menjadi pengguna yang bijak kerana pengguna yang bijak akan memperoleh faedah yang banyak.  
Ulaskan pernyataan di atas.
3. Pemupukan semangat patriotisme sangat penting untuk melahirkan masyarakat penyayang, negara yang aman, bangsa yang bersatu padu, dan keluhuran budi.  
Berikan pandangan anda tentang usaha yang perlu dijalankan untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat di negara kita.
4. Sejak kebelakangan ini, banyak negara telah mengalami ancaman penularan penyakit berbahaya yang amat membimbangkan penduduk dunia.  
Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.
5. Lazimnya dalam sesebuah karya sastera mempunyai banyak nilai murni yang boleh dihayati dan membentuk keperibadian pelajar sekolah.  
Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk satu karya sastera yang telah anda baca.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/1

SULIT  
YIK - B. MELAYU (1) - SPM